

PM: Rundingan tetap tak dapat diadakan selagi Pas menekan

KOTA TINGGI (Johor) 11 Julai - Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa rundingan tetap tidak dapat diadakan berhubung projek Hidro Elektrik Pergau selagi Kerajaan Pas di Kelantan mengenakan tekanan.

Perdana Menteri berkata beliau hendak melihat apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Pas selepas 16 Julai ini seperti yang dikatakan oleh Menteri Besar, Nik Aziz Nik Mat.

Katanya: "Dalam keadaan tekanan seperti ini kita tidak boleh benmding.

"Rundingan hendaklah berasaskan kebetulan sesuatu...kebenaran sesuatu.

"Tapi kalau takut pada tekanan, hasil rundingan tidak adil".

Ditanya apakah kata dua Kerajaan Pas serta Kerajaan Pusat itu bermakna tidak akan ada titik pertemuan bagi mencari penyelesaian, beliau berkata:

"...Bukan kita yang buat (halangan), dia yang buat".

Semalam Nik Aziz berkata kerajaan negeri itu terus mengadakan sekatan di jalan masuk utama ke tapak projek hidro elektrik tersebut sehingga 16 Julai ini.

Menurutnya, selepas tarikh itu, satu tindakan lain akan diambil.

Beliau bagaimanapun tidak menerangkan apakah tindakan yang dimaksudkannya.

Serentak dengan itu pada hari yang sama, Menteri Kewangan, Dato' Sri Anwar Ibrahim pula memberi kata dua kepada Kerajaan Pas supaya membuka semua sekatan yang menghalang kerja-kerja pembinaan hidro elektrik berkenaan jika ia mahu rundingan bayaran pampasan diteruskan.

Dr. Mahathir bercakap kepada para pemberita selepas merasmikan Skim Perumahan Bakti Ladang bagi pekerja-pekerja perladangan kumpulan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ) di Ladang Tunjuk Laut di sini hari ini.

Pada majlis berkenaan beliau juga menyampaikan kunci rumah dan sijil menduduki kepada 51 pekerja yang bekerja di Ladang Tunjuk Laut itu.

Diminta mengulas laporan akhbar yang menyatakan terdapat arahan menteri-menteri Pusat tidak dibenarkan masuk ke kawasan pro-

jek hidro elektrik itu, Perdana Menteri berkata setakat ini beliau tidak mendengar

sebarang arahan seumpama itu dikeluarkan oleh mana-mana pihak.

Katanya, beliau juga tidak diberitahu oleh mana-mana menteri pun kononnya dia

tidak dibenarkan masuk ke kawasan projek berkenaan.